

Suami isteri didakwa kemuka butiran palsu program Perkeso

Alor Setar: Suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi program Penjana Kerjaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah hampir RM30,000, dua tahun lalu.

Tertuduh, Anuar Che Lat, 53, dan isterinya, Rohana Othman, 55, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Mengikut pertuduhan, pasangan terbabit secara bersama dengan niat mengemukakan tiga dokumen borang pengesahan pekerja bagi Program Insentif Pe-

ngambilan Pekerja atas nama Syarikat Widad Tours & Travel kepada Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan Perkeso Kedah.

Kedua-dua tertuduh yang juga pemilik syarikat terbabit didakwa mempunyai sebab mempercayai dokumen berkenaan mengandungi pernyataan palsu berkaitan tiga individu yang bukan pekerja syarikat berkenaan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu antara Mac hingga Ogos 2021 di Wisma Perkeso, Jalan Teluk Wan Jah di sini.

Berikutan itu, mereka didakwa mengikut mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

2009, sabit kesalahan boleh dikenakan penjar maksimum

20 tahun dan denda.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Salizawaty Abd Samad manakala tertuduh diwakili peguam, Rahamathullah Baharudeen.

Terdahulu, Salizawaty memohon mahkamah menetapkan jaminan RM45,000 bagi semua pertuduhan dihadapi pasangan ini.

Hakim kemudian menetapkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM42,000 setiap seorang dengan seorang penjamin.

Mahkamah kemudian menetapkan 27 Februari ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan penyerahan dokumen.

Pasangan terbabit membayar wang jaminan di kaunter Kompleks Mahkamah Alor Setar.

2 ahli perniagaan dituduh buat dua tuntutan palsu RM43,600

Kuantan: Dua ahli perniagaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan membuat dua tuntutan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM43,600, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Arabath Ali Arul Alavudeen, 36, dan Mohmmmed Ismail R P Mohd Ibrahim, 62, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa membuat tuntutan secara dalam talian bagi mendapatkan insentif pengambilan pekerja melalui Program Penjana 1.0 yang dilaksanakan kerajaan melalui Perkeso pada 5 dan 6 Oktober 2020.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa me-

ngemukakan permohonan dengan butiran palsu yang mengandungi 17 senarai nama pekerja syarikat Is Cattering Sdn Bhd bagi mendapatkan insentif berjumlah RM27,200 sedangkan individu terbabit tidak pernah memohon kerja di syarikat berkenaan.

Tertuduh turut didakwa melakukan kesalahan sama apabila sekali lagi memberikan 10 senarai nama dengan niat mendapatkan insentif berjumlah RM16,400.

Kedua-dua mereka dituduh mengikut Seksyen 24(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (AS-PRM) 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak lebih lima kali ganda nilai tuntutan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Rifah Izzati Abdul Mutalif memohon kedua tertuduh

diikat jamin RM20,000 setiap seorang dengan seorang penjamin selain syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Susulan itu, peguam Venugopal Narasiman yang mewakili Arabath dalam rayuannya memohon jaminan rendah berikutan anak guamnya mempunyai tanggungan empat orang anak.

Sementara itu, peguam R Maran yang mewakili Mohmmmed Ismail pula menyatakan anak guamnya mempunyai lima tanggungan termasuk ibunya yang uzur dengan pendapatan hanya RM3,000 sebulan.

Hakim kemudian membenarkan jaminan sebanyak RM18,000 setiap seorang bagi dua pertuduhan berkenaan selain syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah serta menetapkan sebutan semula kes pada 27 Februari depan.

Mahkamah menetapkan 27 Februari sebagai tarikh sebutan semula kes dan penyerahan dokumen